

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

RENCANA PENGARANG

JUMAAT, 14 MEI, 1982

LANGKAH KEMASKINI TADBIRAN NEGARA

TARAF kemajuan sosio-ekonomi Jepun yang tinggi telah menjadikan sistem pengeluaran, pentadbiran dan pengurusanannya tumpuan perhatian bukan sahaja negara-negara membangun malah negara-negara barat sendiri. Oleh yang demikian apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mencadangkan supaya sistem pentadbiran kita juga diubahsuai dan diperkemas selaras dengan sistem Jepun yang telah terbukti keberkesanannya itu maka rasionalnya tidaklah sukar dibayangkan.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh beliau jika kita harus meminjam sesuatu — baik idea, teknologi atau sistem pengurusan — tentulah ada baiknya kita meminjam dari punca yang paling layak. Jepun sebagai salah satu kuasa ekonomi yang paling berpengaruh hari ini ternyata mempunyai kelayakan penuh untuk memenuhi tujuan ini.

Bagaimanapun, untuk menentukan

supaya sistem akan dipinjam itu akan menghasilkan sebuah jentera perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan maka patutlah disedari bahawa sistem perkhidmatan awam sekarang bukan pula tidak mempunyai kekuatan. Langkah-langkah yang telah diambil termasuk menyemak dan memperbaiki taraf gaji dan syarat-syarat perkhidmatan kerajaan, menyediakan peluang latihan yang lebih luas untuk pegawai-pegawai, melaksanakan Skim Khidmat Cemerlang dan menggunakan kad pencatat waktu itu nampaknya sedikit sebanyak telah berjaya memperbaiki semangat dan prestasi kerja pegawai-pegawai Kerajaan.

Namun demikian dorongan untuk kita meningkatkan lagi kadar pengeluaran setiap pekerja — awam dan swasta — masih kuat. Sebagaimana yang diakui sendiri oleh Ketua Pengarah MAMPU, Dr. Mohamad Nor Ghani, keperluan un-

tuk meninggikan kadar pengeluaran pekerja dan menghapuskan kegiatan-kegiatan seleweng yang merugikan masih wujud. Langkah mengukur prestasi setiap pekerja secara berterusan itu juga berkemungkinan memperbaiki kadar pengeluaran negara.

Tetapi mungkin faktor penentunya terletak kepada pembentukan falsafah dan nilai kerja yang lebih positif untuk seluruh masyarakat. Kita maklum bahawa sistem pentadbiran dan pengurusan Jepun itu berjaya kerana ia berlandaskan sistem nilai dan semangat kerja mereka yang gigih. Jadi sebaiknya peminjaman sistem pengurusan Jepun ini juga digandungi dengan pembentukan sikap dan nilai kerja yang lebih sesuai dan positif. Ini bukan mudah. Pembentukan sikap dan sistem kerja Jepun itu telah memakan masa yang panjang. Tetapi dengan azam dan kesungguhan kemajuan tetap akan kita capai.